

## Bajet lulus sinar baharu buat Keluarga Malaysia

November 18, 2021 @ 10:32pm



Perdana Menteri harap kelulusan Bajet 2022 bakal beri sinar baharu buat Keluarga Malaysia. - Foto FB

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berharap Bajet 2022 peringkat dasar yang diluluskan di Dewan Rakyat hari ini bakal memberi sinar baharu buat ahli Keluarga Malaysia.

Menerusi hantaran di Facebook malam ini, Ismail Sabri berkata, kelulusan itu diharap dapat memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat di negara ini meliputi pelbagai kaum, budaya dan agama dan tiada pihak yang akan tercicir.

"Alhamdulillah! #Bajet2022 peringkat dasar telah pun diluluskan di Dewan Rakyat hari ini.... Tiada siapa akan terpinggir," katanya.

Rang Undang-undang Perbekalan 2022 (Bajet 2022) yang merupakan belanjawan pertama di bawah kepimpinan Ismail Sabri diluluskan di peringkat dasar di Dewan Rakyat hari ini apabila lebih suara bersetuju selepas undian suara dijalankan. – BERNAMA